

Khamis, Apr 12 2018

KWSP bincang dengan satu atau dua syarikat insurans asing

UM 12/4

KUALA LUMPUR 11 April - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan memuktamadkan sama ada satu atau dua syarikat insurans luar negara berhubung dengan pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus kepentingan dalam syarikat terbabit.

Tindakan itu berikutan arahan daripada Bank Negara yang menetapkan pelabur tempatan perlu memegang sekurang-kurangnya 30 peratus dalam syarikat insurans luar negara yang beroperasi di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, pihaknya telah membuat perbincangan dengan beberapa syarikat insurans luar negara termasuk Great Eastern dan akan meneliti setiap cadangan sebelum membuat keputusan.

"Perkara ini memerlukan perbincangan yang mendalam kerana terdapat banyak perkara yang kompleks seperti polisi serta bersesuaian dengan penilaian yang kami mahukan.



**SHAHRI
RIDZA
RIDZUAN**

"Kami di landasan tepat untuk mendapat perjanjian tentatif hasil daripada perbincangan tersebut. Majoriti syarikat insurans luar negara mengalu-alukan institusi pelaburan tempatan untuk mengambil bahagian berhubung perkara ini," katanya dalam wawancara bersama Bloomberg Television di sini hari ini.

BNM pada Jun tahun lalu mengarahkan syarikat insurans luar negara untuk meningkatkan tahap pegangan pelabur tempatan sekurang-kurangnya 30 peratus dan memberi tempoh sehingga pertengahan tahun ini untuk mematuhi arahan tersebut.